BULETIN PTTA

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BIL. 2 | 2026

Pencapaian 5 bintang GGR

4 MAC 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menerima pengiktirafan 5 Bintang Good Governance Rating (GGR) 2025 sempena Majlis Amanat Naib Canselor UTHM Tahun 2026, sekali gus membuktikan komitmen berterusan PTTA dalam memperkukuh tadbir urus, pengurusan strategik dan penyampaian perkhidmatan berkualiti.

- Anugerah telah diterima oleh Puan Siti Afifah Che Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, mewakili PTTA dalam Majlis Amanat Naib Canselor UTHM Tahun 2026.
- Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan warga PTTA dalam menyokong aspirasi UTHM ke arah organisasi yang telus, berintegriti dan berprestasi tinggi.





SOROTAN PROGRAM

LAWATAN PENANDAARAS FASILITI AI LAB PTTA

2 MAC 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM telah menerima lawatan penandaaras fasiliti AI Lab daripada YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Mutalib bin Leman, Provost UTHM Kampus Pagoh, bagi meninjau kemudahan serta potensi pelaksanaan fasiliti berteknologi tinggi yang menyokong pengajaran, pembelajaran dan pembangunan kemahiran digital.

- Lawatan memfokuskan kepada konsep pembangunan AI Lab, kemudahan peralatan serta penggunaannya sebagai platform pembelajaran berasaskan teknologi dan inovasi.
- AI Lab PTTA dijadikan model rujukan bagi cadangan pembangunan fasiliti seumpamanya di UTHM Kampus Pagoh dalam memperluas penggunaan teknologi pintar.

Program Rewang Munjung

17 MAC 2026



- Sekitar Program Rewang Munjung anjuran Kelab Pustaka PTTA.
- Program ini sebagai salah satu inisiatif untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan staf PTTA serta memeriahkan suasana Ramadan melalui aktiviti sebegini. Ia kemudiannya diagihkan kepada semua staf.

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT PERINGKAT UTHM

23 APRIL 2026



Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat UTHM bagi menyemarakkan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga universiti. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq.

- Program turut menampilkan Sesi Bedah Buku oleh Dr. Lutfan Jaes bertajuk Dari Buku ke Realiti: Menilai Kerelevanan "Panduan Peniaga Kecil" dalam Kehidupan Hari Ini.
- Majlis diserikan dengan persembahan Pelajar Antarabangsa Subjek Bahasa Melayu serta dilaksanakan melalui kerjasama PTTA bersama Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Centre for Language Studies UTHM dan Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat.

CERAMAH ETIKA DAN INTEGRITI

22 APRIL 2026





Perpustakaan Tunk Tun Aminah (PTTA) telah menganjurkan Program Ceramah Etika dan Integriti: Melestari Budaya Kerja Kelas Pertama yang disampaikan oleh Puan Farah Deena binti Md. Rapee, Ketua Unit Integriti UTHM. Program ini bertujuan memperkukuh budaya kerja berintegriti serta meningkatkan kesedaran terhadap amalan tadbir urus yang baik dalam kalangan warga PTTA.

- Ceramah memberi penekanan kepada kepentingan amalan etika dalam membentuk budaya kerja yang profesional, berintegriti dan berprestasi tinggi.
- Turut memberi pendedahan mengenai kepentingan pengisytiharan harta sebagai usaha memperkukuh ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam.